

PADANG KELAB SELANGOR AKAN DIJADIKAN UM 14 NOV 1987 DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR 10 Nov.

— Kerajaan telah memutuskan untuk mengubahsui Padang Kelab Selangor menjadi taman sejarah dan pusat tarikan pelancong bergelar 'Dataran Merdeka' dengan ciri-ciri seperti 'Trafalgar Square' di London. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya mengemukakan pelan cadangan secepat mungkin supaya projek Dataran Merdeka ini siap sebelum Persidangan Serantau Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel tahun depan.

Arahan Perdana Menteri itu disampaikan sendiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusof Noor kepada Datuk Bandar, Datuk Dr. Elyas Omar dalam majlis taklimat di Dewan Bandaraya hari ini.

Katanya, dalam cadangan itu, Dewan Bandaraya dikehendaki menentukan susunan dan jenis batu-batu yang sesuai, susunan pokok yang boleh diubah serta kawasan untuk memelihara ciri-ciri kehijauan padang itu.

Menurut Datuk Dr. Yusof Noor, hasrat Perdana Menteri ialah mahu setiap pelancong yang hendak menikmati Bangunan Sultan Abdul Samad dan jam besar melakukannya dengan secara berehat-rehat di tengah-tengah Padang Kelab Selangor.

"Dewan Bandaraya perlu mengubahsui padang itu dengan menyusun bunga-bunga, pokok-pokok rendang dan beberapa bahagian tertentu

digantikan dengan jubin-jubin berwarna hijau," katanya.

Beliau berkata, "Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mahu lagi padang tersebut dijadikan padang permainan dan imej ini perlu diubah dengan segera."

Katanya, jika pelancong-pelancong mengenali 'Trafalgar Square' di London maka satu hari kelak 'Merdeka Square' atau Dataran Merdeka di Kuala Lumpur juga akan menjadi tarikan pelancong. Datuk Dr. Yusof berkata, Bangunan Sultan Abdul Samad adalah tempat bersejarah kerana di situlah identiti bangsa bermula dengan pengisytiharan kemerdekaan.

Datuk Dr. Yusof memberitahu, Perdana Menteri juga telah mengarahkan Dewan Bandaraya menyediakan jejantas dari Muzium Negara ke Pusat Islam bagi memudahkan pelancong berjalan kaki menuju ke destinasi tarikan pelancong seperti Pusat Islam, Masjid Negara, Bangunan Daya Bumi dan seterusnya ke Bangunan Sultan Abdul Samad.